

Bernama Online

Pos Malaysia Jangka Pengambilalihan KLAS Selesai Julai Nanti

PUTRAJAYA, 15 Mac (Bernama) -- Pos Malaysia Bhd menjangka proses pengambilalihan KL Airport Services Sdn Bhd (KLAS) akan selesai selewat-lewatnya pada Julai ini, kata Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Pos Malaysia Datuk Mohd Shukrie Mohd Salleh.

Beliau berkata pengambilalihan KLAS, pengendali darat di lapangan terbang yang merupakan anak syarikat milik penuh DRB-Hicom, bernilai RM749.35 juta itu dijangka membantu Pos Malaysia memantapkan sistem perkhidmatan pos, terutamanya dalam sektor e-Dagang.

"Dengan pengambilalihan KLAS, kita akan lebih ke hadapan berbanding pesaing lain dalam menyediakan perkhidmatan menyeluruh kepada pelanggan yang mana kita boleh mengambil penghantaran dari mana-mana lokasi di seluruh dunia," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas majlis menandatangani Memorandum Persefahaman antara Pos Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia bagi perkongsian maklumat perangkaan untuk pembangunan alamat kediaman komprehensif, di sini hari ini.

Mohd Shukrie berkata Pos Malaysia mencatatkan peningkatan pengendalian antara lapan dan 10 juta bungkusan setiap tahun dengan jangkaan penghantaran 50 juta bungkusan pada tahun ini hasil peningkatan sektor perniagaan dalam talian.

"Perniagaan dalam talian adalah penyumbang utama kepada Pos Malaysia buat masa ini dengan 50 peratus pelanggan daripada peniaga online yang datang sendiri ke cawangan Pos Malaysia dan 50 peratus lagi pelanggan kontrak," katanya.

Beliau berkata dengan nilai e-Dagang di Malaysia pada 2014 dianggarkan RM64 bilion atau kira-kira 5.8 peratus dari nilai Keluaran Dalam Negara Kasar, sektor itu dijangka akan terus berkembang tahun demi tahun.

"Pos Malaysia sebagai pemain nombor satu di Malaysia dari segi kurier dengan penguasaan 30 peratus dalam pasaran, merancang untuk memantapkan lagi perkhidmatan syarikat dari segi sistem rangkaian," katanya.

Mohd Shukrie berkata segmen mel tradisional pula dilihat semakin mengecil dengan mengalami lima peratus penurunan pendapatan pada suku pertama tahun kewangan 2015, kesan daripada pertumbuhan sektor e-Dagang.

"Malah kami menjangkakan pada tahun ini jumlah penghantaran surat turun kepada 900 juta pucuk surat berbanding 1.2 bilion pucuk surat yang dicatatkan pada 2012," katanya.

-- BERNAMA